

Khidmat Masyarakat PTMK Bantu Pembelajaran Kelas Kafa



Kuantan, 10 April - Staf Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK) Universiti Malaysia Pahang (UMP) bergabung tenaga dengan penduduk Taman Seri Mahkota menjayakan aktiviti khidmat masyarakat di perkampungan taman tersebut baru-baru ini.

Dalam program ini staf PTMK bersama penduduk berpeluang bersama-sama bergotong-royong membersihkan dan menceriakan surau dan Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA). Program dihadiri Pemangku Pengarah PTMK, Roslan Awang Abdul Rahman. Hadir sama Pengerusi Surau Taman Seri Mahkota, Nordin Abd Rasid bersama ahli jawatankuasa surau, guru-guru KAFA serta penduduk setempat.

Turut berlangsung penyampaian kelengkapan alatan siaraya dan audio visual hasil sumbangan yang berjaya dikumpul pihak PTMK untuk digunakan bagi aktiviti keagamaan di taman ini.



Menurut Roslan, sumbangan peralatan ini juga dapat membantu melancarkan proses pembelajaran kelas KAFA. Kerja pemasangan alatan dilakukan staf di jabatan ini di kedua-dua lokasi.

"Aktiviti khidmat komuniti ini merupakan salah satu tanggungjawab korporat (CSR) jabatan ini memandangkan mereka mempunyai tenaga yang berkepakaran dalam bidang teknikal yang boleh dikongsikan dengan masyarakat umum. Selain itu, ianya dapat meningkatkan motivasi dan mengeratkan hubungan di kalangan staf PTMK dengan masyarakat setempat," katanya.

Beliau juga menyatakan harapan aktiviti khidmat komuniti sebegini dapat diteruskan kerana ia boleh memberi impak positif kepada UMP dalam memainkan peranan dalam membantu membentuk masyarakat Malaysia yang lebih cakna dan progresif serta merealisasikan agenda penjenamaan universiti.



Disediakan oleh: Raja Allen Jordan Izzuddin Shah Bin Raja Baharudin, Pegawai Tadbir, Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK) dan suntingan oleh Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 30-04-2015, 11:22:11